

Faktor Pendorong Penglibatan Belia Melayu dalam Proses Pilihan Raya di Malaysia

Factors Driving The Involvement of Malay Youths in The Election Process in Malaysia

Abdul Hadi Samsi¹, Mohd Izani Mohd Zain² & Nik Ahmad Sufian Burhan³

¹ Jabatan Sains Sosial dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia;

² Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43000 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia;

³ Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43000 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Article progress

Received: 14 July 2023

Accepted: 7 August 2023

Published: 30 November 2023

*Corresponding author:
Abdul Hadi Samsi, Jabatan Sains Sosial dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia;
Email:
abdulhadisamsi@upm.edu.my

Abstrak: Dalam konteks Islam penglibatan politik lebih menekankan persamaan, kebebasan dan penglibatan dalam politik. Persamaan merujuk kepada hak sama rata bagi setiap individu yang mahu melibatkan diri dalam politik. Manakala kebebasan politik merujuk kepada kebebasan untuk memilih dan mengkritik mana-mana pemimpin sekiranya tindakan yang dilakukan tidak wajar. Penglibatan pula merujuk kepada penglibatan diri dalam hal-hal berkaitan politik. Terdapat agen sosialisasi dilihat mampu meningkatkan dan menggalakkan penglibatan individu dalam proses pilihan raya. Artikel ini menfokuskan kepada belia Melayu dalam mengenal pasti sejauh mana faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa dapat mempengaruhi penglibatan dalam proses pilihan raya terdiri daripada mendaftar sebagai pengundi, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya akan datang. Seramai 906 orang responden dikenal pasti bagi menjawab soal selidik yang telah disediakan. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat jangkaan faktor-faktor yang signifikan bagi setiap proses pilihan raya yang diketengahkan. Bagi regresi logistik jangkaan penglibatan belia Melayu dalam proses mendaftar sebagai pengundi menunjukkan hanya faktor media massa sahaja signifikan ($p=0.014^{**}$). Manakala jangkaan bagi melakukan semakan mengundi menunjukkan faktor masyarakat setempat singnifikan ($p=0.039^{**}$) dan faktor media massa sangat signifikan ($p=0.000^{***}$). Bagi jangkaan faktor pendorong belia Melayu dengan proses akan mengundi pada pilihan raya akan datang menunjukkan hanya faktor keluarga sahaja signifikan ($p=0.049^{**}$). Secara keseluruhan artikel ini menerangkan bahawa terdapat jangkaan faktor pendorong tertentu dalam meningkatkan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya. Sekiranya faktor bagi setiap proses pilihan raya ini diberikan perhatian sudah semestinya mampu meningkatkan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia.

Kata kunci: Penglibatan Politik, Belia Melayu, Faktor Pendorong, Proses Pilihan Raya;

Abstract: In the context of Islam, political involvement emphasizes equality, freedom, and participation in politics. Equality refers to the equal rights for every individual who wishes to engage in politics. Political freedom, on the other hand, entails the freedom to choose and criticize any leader if their actions are deemed inappropriate. Involvement, in this

context, pertains to actively participating in political matters. There are agents of socialization that are seen as capable of enhancing and encouraging individual involvement in the electoral process. This article focuses on Malay youths, aiming to identify to what extent family, local community, and mass media factors can influence involvement in the electoral process, including registering as voters, checking voting status, and casting votes in upcoming elections. A total of 906 respondents were identified to respond to the prepared survey. The study findings indicate significant expected factors for each electoral process discussed. For the logistic regression, the expected involvement of Malay youths in the process of voter registration showed that only the mass media factor is significant ($p=0.014^{**}$). Meanwhile, the expected factors for checking voting status indicate both the local community factor ($p=0.039^{**}$) and the mass media factor are highly significant ($p=0.000^{***}$). Concerning the expected factors driving Malay youths to vote in future elections, only the family factor is significant ($p=0.049^{**}$). Overall, this article elucidates that there are specific expected driving factors to enhance the involvement of Malay youths in the electoral process. Addressing these factors for each electoral process would undoubtedly elevate the political engagement of Malay youths in the election process in Malaysia.

Keywords: Political Involvement, Malay Youth, Encouraging Factor, Election Process;

Pengenalan

Penglibatan belia dalam sesebuah organisasi boleh dikelaskan kepada dua keadaan. Pertama, belia terlibat dalam sesebuah pertubuhan antaranya kesatuan sekerja dan parti politik (Gerakan pemuda parti politik), persatuan pelajar, badan profesional, persatuan pengguna, dan persatuan sukarela. Golongan kedua melibatkan belia di luar pertubuhan contohnya pekerja muda, penuntut institusi pendidikan, pengangur, kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta (Azizan, 1995).

Dalam Islam penglibatan setiap individu adalah wajib terutamanya dalam melibatkan diri dalam proses pilihan raya untuk memilih pemimpin. Dalam konteks Islam juga penglibatan politik lebih menekankan persamaan, kebebasan dan penglibatan dalam politik. Persamaan merujuk kepada hak sama rata bagi setiap individu yang mahu melibatkan diri dalam politik tidak kira sama ada seseorang itu kaya, miskin, tua ataupun muda. Manakala kebebasan politik merujuk kepada kebebasan untuk memilih mana-mana pemimpin tanpa rasa takut dan individu mempunyai hak menyuarakan pendapat serta mengkritik sesiapa sahaja pemerintah sekiranya tindakan yang dilakukan tidak betul. Penglibatan pula merujuk kepada kebiasaan bagi setiap

individu melibatkan diri dalam hal-hal berkaitan politik (Ahmad, 2003).

Terdapat pelbagai faktor yang dapat mendorong belia terlibat dalam proses pilihan raya antaranya melibatkan faktor keluarga, media massa dan masyarakat. Terdapat kajian menunjukkan faktor keluarga adalah salah satu agen sosialisasi politik yang penting dan berpotensi untuk mempengaruhi tindakan individu (Iim, 2013). Keluarga memiliki peranan yang signifikan dalam menentukan tindakan seseorang sebelum mereka berinteraksi dan bergaul dengan masyarakat di luar keluarga. Secara umum, individu menghabiskan banyak waktu bersama keluarga dibandingkan dengan agen sosialisasi lainnya, oleh kerana itu keluarga memiliki kemampuan untuk mempengaruhi individu. Dalam konteks hubungan antara keluarga dan kehidupan politik seseorang, hal ini menjadi relevan (Iim, 2013).

Manakala bagi faktor masyarakat, merujuk kepada keadaan penduduk di sesuatu kawasan yang saling berinteraksi. Kekerapan interaksi mampu mencipta persekitaran sosial yang harmoni dan sentiasa bekerjasama dalam menjalankan setiap aktiviti. Penglibatan secara aktif oleh masyarakat setempat dalam mengadakan aktiviti sosial merupakan salah satu kaedah berkesan untuk menarik minat penduduk untuk terlibat secara tidak langsung dalam politik (Alex, 2013).

Selain daripada itu, faktor media massa juga melibatkan penggunaan media sosial baru seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan sebagainya yang berhubungan dengan keterlibatan politik belia (Fatimah & Ali, 2015; Cross & Young, 2008). Walau bagaimanapun masih tiada dapatkan khusus berkaitan antara peranan media massa terhadap penglibatan belia dalam politik. Kajian yang terhad menyebabkan masih belum terjawab berkaitan perkaitan yang diketengahkan dalam artikel ini.

Oleh itu artikel ini membincangkan hal berkaitan peranan agen sosialisasi terdiri daripada keluarga, masyarakat setempat dan media massa mampu mempengaruhi penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Dalam kehidupan seseorang terdapat pelbagai faktor yang mampu menentukan tindakan seseorang. Pada peringkat kanak-kanak agen sosialisasi seperti keluarga, masyarakat setempat dan kawasan tempat tinggal mampu berperanan dalam pembentukan sikap dan tingkah laku politik sebelum kanak-kanak tersebut meningkat dewasa (Almond & Verba, 1984).

Kajian-kajian lepas berkaitan peranan agen sosialisasi terdiri daripada keluarga, masyarakat setempat dan media massa mempunyai hubungan yang rapat dalam mempengaruhi tindakan individu untuk terlibat dalam proses pilihan raya. Bagi peranan keluarga kajian lepas mendapati bahawa anak-anak lebih selesa untuk berbincang hal-hal berkaitan politik bersama ahli keluarga. Ini disebabkan tindakan ahli keluarga yang selalu membincangkan hal politik di rumah dapat menarik minat untuk anak-anak mengambil tahu perkara berkaitan politik (Neena, 1985; Andolina & Jenkins, 2003; Lee et al., 2012).

Beralih kepada peranan masyarakat dalam politik menurut perspektif Islam adalah mempunyai hubungan yang kuat antara faktor agama dengan masyarakat terutamanya keperluan rohani dan jasmani. Slogan seperti "Membangun Bersama Islam" merupakan indikator penting kepada pentadbiran berasaskan Islam terutamanya dalam memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat. Sekiranya masyarakat dapat menerima konsep Islam ini maka sokongan terhadap parti berlandaskan syiar Islam juga akan meningkat, begitu juga sebaliknya (Shukeri et al., 2011).

Bagi peranan media massa, ianya merupakan satu alat komunikasi dalam bentuk kemajuan teknologi bagi berkongsi maklumat yang diperlukan oleh pengguna. Penggunaan media massa dilihat mempunyai kesan berbeza kepada individu disebabkan faktor demografi

individu, sama ada tinggal dibandar, pinggir bandar atau luar bandar. Kesan daripada itu, cara dan tahap pemikiran juga akan mempengaruhi dan memberikan impak besar kepada penduduk (Chen, 2012; Sohana, 2016).

Tuntasnya, hasil dapatan kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara agen-agen sosialisasi yang diketengahkan dalam artikel ini dengan penglibatan politik seseorang dalam proses pilihan raya. Oleh itu, artikel ini akan melihat dengan lebih jelas peranan keluarga, masyarakat setempat dan media massa mampu mempengaruhi penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya terdiri daripada mendaftar, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya seterusnya menguatkan lagi dapatan kajian-kajian lepas.

Metodologi

Kajian dalam artikel ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dengan responden menjawab soalan kaji selidik yang diedarkan secara rawak disetiap negeri yang terpilih. Sampel kajian dipilih melalui kaedah rawak mudah dengan 906 orang responden belia Melayu di Malaysia. Belia berumur 21 tahun sehingga 40 tahun telah dikenal pasti dalam kajian ini. Menerusi kajian kuantitatif, responden telah dibahagikan kepada bilangan tertentu dengan mengikut pengiraan "*Probability Proportional to Size*" (PPS) *Cluster Sampling*. Kaedah *PPS cluster sampling* digunakan dalam kajian ini adalah bagi memastikan jumlah responden yang dikehendaki seimbang dan juga tidak berat sebelah (Yeo, 2010).

Kaedah penganalisis data dalam kajian ini menggunakan SPSS. Dalam kaedah SPSS ini, dapatan kajian menggunakan ujian statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai, iaitu digunakan untuk menganalisis maklumat tentang latar belakang responden.

Kaedah regresi logistik pula digunakan bagi menantukan jangkaan antara agen sosialisasi terdiri daripada keluarga, masyarakat dan media massa dengan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya. Kaedah analisis ini dipecahkan kepada tiga (3) bahagian untuk melihat tahap signifikan yang lebih jelas antara agen sosialisasi dengan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya sama ada berada pada tahap tinggi atau rendah.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Demografi Responden

Melalui Demografi responden seramai 906 orang telah dikenal pasti terdiri daripada belia Melayu berusia 21 tahun hingga 40 tahun dengan di pilih secara rawak di bandar-bandar besar seluruh Malaysia. Manakala bagi pecahan mengikut jantina adalah seramai 455 orang (45.2%) lelaki dan 452 orang (49.8%) perempuan. Pecahan mengikut umur pula adalah seramai 513 orang (56.6%) responden berusia 21 hingga 25 tahun, 160 orang (17.6%) 26 hingga 30 tahun, 105 orang (11.6%) merupakan responden berusia 31 hingga 35 tahun dan 129 orang (14.2%) berusia 36 hingga 40 tahun.

Manakala taraf pendidikan dalam kajian ini menunjukkan responden yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 189 orang (20.8 %), Diploma atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) seramai 269 orang (29.7%), Sarjana Muda 402 orang (44.3%) dan bagi mereka yang mempunyai pendidikan Sarjana dan ke atas seramai 47 orang (5.2%). Pecahan responden mengikut kategori pekerjaan pula seramai 202 orang (22.3%) bekerja dalam sektor kerajaan, 229 orang (25.2%) bekerja dalam sektor swasta, 119 orang (13.1%) responden bekerja sendiri, 309 orang (34.1%) pelajar dan seramai 48 orang (5.1%) merupakan responden yang tidak bekerja atau menjadi suri rumah tangga. Bagi melihat dengan lebih jelas berkaitan demografi responden boleh merujuk kepada Jadual 1.

Jadual 1. Demografi Responden (N = 906)

Demografi	n	%
Jantina		
Lelaki	455	45.2
Perempuan	452	49.8
Umur		
21 tahun – 25 tahun	513	56.6
26 tahun – 30 tahun	160	17.6
31 tahun – 35 tahun	105	11.6
36 tahun – 40 tahun	129	14.2
Taraf Pendidikan Tertinggi		
Sijil Pelajaran Malaysia	189	20.8
Diploma/STPM	269	29.7
Sarjana Muda	402	44.3
Sarjana dan ke atas	47	5.2
Pekerjaan		
Penjawat Awam	202	22.3
Pekerjaan Swasta	229	25.2
Kerja Sendiri	119	13.1
Pelajar	309	34.1
Suri Rumah/ Bekerja	48	5.3

Regrasi Logistik

Kaedah regrasi logistik digunakan pada analisis data bagi menentukan jangkaan faktor penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya terdiri daripada pendaftaran, membuat semakan dan mengundi pada pilihan raya. Interaksi yang berlaku antara manusia akan dapat mempengaruhi tindakan seseorang sama ada dari segi lisan ataupun perbuatan mengikut kebiasaan cara hidup di sesuatu kawasan, begitu juga dapatan kajian ini yang akan menunjukkan sejauh mana tahap signifikan agen sosialisasi yang diketengahkan terhadap penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya (Nancy et al., 2008). Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4 akan menunjukkan dapatan yang lebih jelas berkaitan perkaitan antara keluarga, masyarakat dan media massa dengan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya.

Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mendaftar Sebagai Pengundi

Pada bahagian ini akan menerangkan bagaimana ketiga-tiga faktor yang mendorong penglibatan belia Melayu mempengaruhi responden sama ada mendaftar sebagai pengundi atau tidak. Keadaan signifikan telah ditunjukkan apabila ketiga-tiga faktor dimasukkan kedalam model, oleh itu, faktor keluarga, masyarakat dan media massa menjangkakan belia Melayu akan mendaftar sebagai mengundi atau tidak dengan nilai model *chi-square* ($\chi^2 = 8.680$, $df = 3$, $N = 906$, $p < 0.001$). Kebarangkalian untuk belia Melayu mendaftar sebagai pengundi akan meningkat apabila terdapat pengaruh yang tinggi daripada media massa, seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2. Media massa dilihat mampu memainkan peranan yang sangat besar apabila data menunjukkan signifikan dan faktor keluarga serta masyarakat setempat menunjukkan tidak signifikan. Oleh itu, peranan media massa amat besar terutama dalam menyalurkan sebarang maklumat berkaitan pendaftaran pengundian dan mendorong keterlibatan belia dalam proses pengundian.

Jadual 2. Regresi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mendaftar Sebagai Pengundi

Pemboleh ubah	B	SE	Odds Ratio	p
Faktor keluarga	0.010	0.012	0.990	0.404
Faktor Masyarakat Setempat	0.006	0.010	1.006	0.533
Faktor Media Massa	0.023	0.009	1.023	0.014**

($\chi^2 = 8.680$, $df = 3$, $N = 906$, $p < 0.001$)

Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Melakukan Semakan Pengundian

Kajian ini turut mengukur antara faktor pendorong dengan keinginan responden untuk melakukan semakan mengundi. Keadaan signifikan telah ditunjukkan pada kajian dengan terdapat jangkaan untuk belia Melayu melakukan semakan mengundi atau tidak dengan nilai model *chi-square* ($\chi^2 = 34.418$, $df = 3$, $N= 906$, $p < 0.001$). Kebarangkalian melakukan semakan mengundi akan meningkat sekiranya terdapat dorongan daripada masyarakat dan mempunyai sumber maklumat yang informatif daripada media massa. Dapatkan kajian yang lebih jelas boleh dilihat pada Jadual 3. Merujuk kepada dapatan kajian ini jelas menunjukkan faktor masyarakat setempat dan media massa signifikan dan sangat signifikan berbanding faktor keluarga yang dilihat kurang mempengaruhi penglibatan belia Melayu untuk melakukan semakan mengundi. Oleh itu dalam mempertingkatkan penglibatan belia dalam melakukan semakan pengundian, masyarakat boleh bertindak sebagai agen penggerak dalam membantu golongan belia Melayu untuk mengetahui cara melakukan semakan mengundi. Manakala medium media massa perlu ditingkatkan dalam menyalurkan maklumat terutamanya berkaitan info dan apa juga hal-hal berkaitan proses pilihan raya kepada golongan sasar berkenaan. Dengan adanya jangkaan faktor ini sedikit sebanyak dapat membantu Suruhanjaya Pilihan Raya untuk merangka gerak kerja yang lebih berkesan dengan menggunakan jangkaan faktor logistik bagi melakukan semakan mengundi iaitu, menfokuskan kepada faktor masyarakat setempat dan media massa.

Jadual 3. Regresi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Melakukan Semakan Pengundian

Pemboleh ubah	B	SE	Odds Ratio	p
Faktor keluarga	0.026	0.013	1.027	0.049**
Faktor Masyarakat Setempat	0.016	0.012	1.006	0.179
Faktor Media Massa	0.008	0.010	1.008	0.444

($\chi^2 = 34.418$, $df = 3$, $N= 906$, $p < 0.001$)

Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang

Bagi dapatan kajian seterusnya adalah berkaitan faktor pendorong penglibatan belia Melayu terdiri daripada faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa dengan pengaruh pengundi untuk mengundi pada pilihan raya akan datang atau tidak. Tahap signifikan telah ditunjukkan apabila faktor-faktor

yang diketengahkan dijangka mampu mempengaruhi belia Melayu mengundi pada pilihan raya dengan nilai model *chi-square* ($\chi^2 = 16.959$, $df = 3$, $N= 906$, $p < 0.001$). Jadual 4 menunjukkan kebarangkalian responden akan membuat semakan mengundi meningkat apabila terdapat pengaruh keluarga dalam proses pilihan raya. Berkaitan dapatan kajian regresi logistik bagi jangkaan belia Melayu mengundi pada pilihan raya akan datang menunjukkan hanya faktor keluarga sahaja signifikan manakala faktor masyarakat setempat dan media massa adalah tidak. Oleh itu peranan keluarga dilihat sangat besar dalam memastikan belia Melayu turut sama dalam melibatkan diri dalam proses pilihan raya dengan memberikan galakkan kepada mereka untuk turun mengundi pada pihang raya akan datang. Ahli keluarga yang bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti atau program-program yang berunsurkan politik mampu memberikan motivasi kepada ahli keluarga terutamanya golongan belia untuk bergiat aktif sama. Manakala ahli keluarga pasif dan tidak menceburkan diri dengan aktiviti dan pengajuran berunsurkan politik akan menyebabkan ahli keluarganya turut sama tidak bergiat aktif. Oleh itu setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan dengan memberikan galakkan dan dorongan kepada setiap ahli keluarga supaya sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia akan terus subur, menarik dan dinamik.

Jadual 4. Regresi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang

Pemboleh ubah	B	SE	Odds Ratio	p
Faktor keluarga	0.007	0.012	0.993	0.525
Faktor Masyarakat Setempat	0.021	0.010	1.021	0.039**
Faktor Media Massa	0.037	0.009	1.038	0.000***

($\chi^2 = 16.959$, $df = 3$, $N= 906$, $p < 0.001$)

Kesimpulan

Secara keseluruhan artikel ini telah mengetengahkan jangkaan agen sosialisasi terdiri daripada faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa terhadap penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia. Proses ini merangkumi tiga (3) iaitu, mendaftar sebagai pengundi, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya akan datang. Dapatkan kajian telah menunjukkan bahawa peranan media massa paling signifikan bagi mempengaruhi belia Melayu untuk mendaftar sebagai pengundi dan juga membuat semakan mengundi. Walau bagaimanapun peranan keluarga dilihat lebih mempengaruhi belia Melayu untuk keluar mengundi pada setiap kali pilihan

raya. Dengan adanya jangkaan ini dapat membantu badan-badan tertentu seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), parti-parti politik, masyarakat setempat serta keluarga untuk turut sama membantu dalam meningkatkan penglibatan belia di Malaysia dan Melayu dalam proses pilihan raya. Galakan penglibatan golongan belia dalam proses pilihan raya, setiap agen sosialisasi perlu turut sama berganding bahu dan mengembangkan tenaga dalam usaha mengimarahkan proses demokrasi di Malaysia. Ini sejajar dengan tuntutan Islam dengan menuntut setiap ahlinya untuk terlibat dalam proses pilihan raya. Proses demokrasi ini juga dilihat wajib untuk setiap umat Islam terlibat terutamanya dalam proses memilih pemimpin.

Rujukan

Ahmad, R. M. Y. (2003). *Demokrasi dan kepimpinan Islam. Siri Islam dan Masyarakat*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. ISBN 967-61-1205-4.

Alex, V. W. (2013). Pentingnya pendidikan politik muda terhadap pelaksanaan partisipasi politik di Distrik Samofo Kabupaten Biak Numfor. *Politico: Jurnal Ilmu Politik*, 2(6), 1-16. <https://media.neliti.com/media/publications/1123-ID-entingnya-pendidikan-politik-generasi-muda-terhadap-pelaksanaan-partisipasi-poli.pdf>.

Almond, G. A., & Verba, S. (1984). *Budaya politik: tingkah laku politik dan demokrasi di lima negara*. P. T. Bina Aksara. Diakses dari <http://ailis.lib.unair.ac.id/opac/detail-opac?id=70916>

Azizan, B. (1995). *Belia dan masyarakat*. Institut Kajian Dasar. ISBN: 983884036X.

Chen, G. M. (2012). The impact of new media on intercultural communication in global context. *China Media Research*, 8(2), 1-10.

Cross, W., & Young, L. (2008). Factors influencing the decision of the young politically engaged to join a political party. *Journal Party Politics*, 14(3), 345-369. <https://doi.org/10.1177/1354068807088126>

Fatimah, A., & Ali, S. (2015). Partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 31(2), 47-66. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2015-3101-05>

Lim, S. (2013). *Peran keluarga sebagai agen sosialisasi politik terhadap orientasi politik pemilih pemula dalam pemilihan Gubernur Jawa Barat di Kabupaten Indramayu* [Tesis magister tidak diterbitkan, Universitas Negeri Semarang].

Nancy, L. L., Karen, C. B., & Goerge, A. M. (2008). *SPSS for intermediate statistics use and interpretation (edisi ke-3)*. Lawrence Erlbaum Associates.

Neena, S. (1985). *Political socialization and its impact on attitudinal change towards social and political system: a case study of harijan women of Delhi*. M. C. Mittal.

Shukeri, M., Mohamad, A., & Syed, A. (2011). *Analisis pengaruh politik Islam di negeri Kelantan terhadap gaya hidup masyarakat di Malaysia. Tajdid Islah. World Congress for Islamic History and Civilization*. Academy of Islamic Study, University of Malaya.

Sohana, A., H. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue 1, 214-226, ISSN: 1823-884X. Corpus ID: 148729346

Yeo Wee Teck. (2010). *Probability proportional to size (PPS) cluster sampling: application in the military setting*. Diakses dari <http://www.internationalmta.org>.